



KERAJAAN MALAYSIA



SPAD

**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL.2 TAHUN 2012**

---

**PELAKSANAAN LIBERALISASI KAWASAN OPERASI BAGI  
PEMBAWA ‘C’ KE SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 8 MAC 2012**

Semua Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam di Semenanjung Malaysia  
Semua Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barang di Semenanjung Malaysia  
Semua Pejabat SPAD Negeri  
Agenzi-agensi Kerajaan Yang Berkenaan

## **PELAKSANAAAN LIBERALISASI KAWASAN OPERASI BAGI PEMBAWA ‘C’ KE SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai liberalisasi kawasan operasi bagi pembawa 'C' untuk beroperasi ke seluruh semenanjung malaysia.

### **LATAR BELAKANG**

2. Pembawa 'C' ditakrifkan sebagai kenderaan yang membawa barang sendiri bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan.

3. Dasar semasa telah menetapkan bahawa pemilik lesen Pembawa 'C' hanya dibenarkan beroperasi untuk tujuh (7) negeri berdekatan. Walau bagaimanapun, kenderaan yang dibenarkan beroperasi di seluruh Malaysia adalah yang terlibat dalam sektor perdagangan seperti berikut:

- (i) Sektor kenderaan termasuk kereta, motor dan basikal;
- (ii) Sektor bahan kimia dan bahan mudah terbakar;
- (iii) Sektor petroleum gas dan oksigen;
- (iv) Sektor bahan-bahan binaan; dan
- (v) Sektor perubatan, perabut dan mesin.

## **PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN**

4. Pelaksanaan Liberalisasi kawasan operasi bagi Pembawa 'C' adalah untuk mencapai objektif seperti berikut:

- (a) Mewujudkan fleksibiliti dan memudahkan pengendali untuk menghantar dan menguruskan barang sendiri tanpa halangan.
- (b) Mengurangkan kos pengangkutan pengendali tanpa melantik pihak ketiga untuk penghantaran barang ke seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- (c) Risiko terhadap barang yang dibawa ditanggung oleh pengendali sendiri dan tidak melibatkan pihak ketiga.

## **TINDAKAN**

5. Semua Pejabat SPAD Wilayah dipohon untuk memaklumkan kepada kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab serta pembawa yang berdaftar di wilayah masing-masing berhubung liberalisasi kawasan operasi bagi Pembawa 'C' ke seluruh Semenanjung Malaysia.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Arahan pekeliling mengenai perlaksanaan liberalisasi kawasan operasi bagi pembawa 'C' ke seluruh Semenanjung Malaysia ini akan berkuatkuasa mulai 8 Mac 2012.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(AZHAR BIN AHMAD)**  
Ketua Pegawai Operasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**8 MAC 2012**